

Jumlah penganggur turun kepada 637,700

Kuala Lumpur: Jumlah penganggur di Malaysia terus mencatatkan penurunan kepada 637,700 pada Mei lalu berbanding 649,300 bulan sebelumnya, menjadikan kadar pengangguran terkini negara berada pada 3.9 peratus, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, pemulihan pasaran buruh pada Mei 2022 terus stabil seiring pengoperasian penuh semua aktiviti ekonomi.

Beliau menjelaskan aktiviti ekonomi yang menggalakkan pada bulan berkenaan mendorong kepada lebih banyak permintaan terhadap barang dan perkhidmatan, justeru memberi lebih banyak peluang kepada perniagaan bagi menjana semula pendapatan.

Menurutnya, pasaran buruh juga semakin ber-

kembang susulan lebih banyak permintaan dan penawaran buruh berlaku dalam pasaran bagi menampung keperluan aktiviti ekonomi yang semakin meningkat.

"Justeru, kedudukan tenaga buruh pada bulan itu kekal kukuh dengan mencatatkan peningkatan bulan ke bulan dalam bilangan tenaga buruh iaitu 0.2 peratus kepada 16.54 juta orang.

"Oleh itu, kadar penyer-taan tenaga buruh pada Mei 2022 meningkat sedikit kepada 69.5 peratus. Situasi ini didorong oleh pertumbuhan guna tenaga yang stabil manakala pengangguran terus menurun," katanya dalam kenyataan.

DOSM semalam mengeluarkan siaran Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Mei 2022.

Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh bulanan berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.